



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN



KOD QR
BULETIN PPANS
Bil. 2/2025

Mei - Ogos BIL : 2 / 2025 ISSN : 2232-1454

PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



IDEA, KONSEP ASAL & SUSUNAN : PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

f Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan www.nslibrary.gov.my ppans@ns.gov.my [Perpustakaan Negeri](#)

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN PERSIARAN S2 B2, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7635989 / 06-7621308 Fax : 06-7635944

SIDANG EDITORIAL PPANS

PENAUNG

YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi Perbadanan
Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
Darul Khusus

PENASIHAT

HAMDAN BIN HAJI NORDIN
Pengarah Perbadanan Perpustakaan
Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

MOHD RIZWAN BIN MUHAMMAD
YUSOF
Penolong Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

PENOLONG KETUA PENGARANG

ZAINUDIN BIN ZAILAN
Ketua Unit Korporat, PPANS

GRUP BULETIN PPANS

Unit Korporat
Unit Gerakan Membaca
Unit Perolehan
Unit Media
Unit Teknologi & Komunikasi
Bahagian Pelanggan

PENGEDARAN & PROMOSI

YUSRIZAL BIN ANI
Unit Korporat, PPANS

REKA BENTUK DAN PERCETAKAN
PERCETAKAN CAHAYA MURNI

JURUFOTO

UNIT MEDIA PPANS

DITERBITKAN OLEH

UNIT KORPORAT
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KANDUNGAN

- 2 SIDANG EDITORIAL
- 3 TINTA PENGARAH
- 4 LENSA PENGARAH
- 5 JENDELA BUKU
- 6 SEKALUNG BUDI, SENTUHAN ABADI
& ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG 2025
- 7 MEMADANIKAN PERPUSTAKAAN,
MELESTARIKAN PERPADUAN &
MESYUARAT JAWATANKUASA GERAKAN
MEMBACA NEGERI SEMBILAN
- 8 PAMERAN PESTA BUKU
ANTARABANGSA KUALA LUMPUR &
KONGRES PERPUSTAKAWAN ASIA
TENGGERA KE-19 (CONSAL)
- 9 EXPLORING THE LIBRARY
DEVELOPMENT
- 10-12 PESTA BUKU NEGERI SEMBILAN 2025
- 13 PROJEK CASA LIBRO & PAMERAN PESTA
BUKU PERAK 2025
- 14 PERTANDINGAN KOIR & KIK NEGERI
SEMBILAN 2025
- 15 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2025
- 16-17 WAGHIH MEMBACA
- 18-19 PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT
- 20 DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN & PERPUSTAKAAN DESA

PENGARAH

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Salam Malaysia MADANI,
Salam Negeri Sembilan,
Bersih . Muafakat . Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah SWT kerana diberikan kesempatan menulis kata alu-aluan khas untuk Buletin PPANS Bil. 2/2025 ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan Buletin PPANS. Objektif Buletin PPANS ini dikeluarkan adalah bertujuan bagi mendokumenkan semua program dan aktiviti yang dijalankan oleh PPANS sepanjang tahun sekali gus mempromosikan kemudahan dan program PPANS kepada masyarakat.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama serta komitmen semua atas cetusan minda dalam merencana idea penerbitan buletin PPANS kali ini sehingga berjaya. Penerbitan ini menjadi platform untuk merekod dan menyebarkan aktiviti jabatan di samping menjadi rujukan pelbagai agensi terhadap program serta tentang maklumat terkini perkhidmatan di PPANS.



Hamdan bin Haji Nordin
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan



5 MEI 2025
SEKALUNG BUDI, SENTUHAN ABADI
SEMPENA MAJLIS PERSARAAN
KAKITANGAN PERBADANAN
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI
SEMBILAN



19 MEI 2025
KUNJUNGAN HORMAT PTPTN
NEGERI SEMBILAN KE PERPUS-
TAKAAN NEGERI, SEREMBAN 2



21 MEI 2025
MESYUARAT PROGRAM DEKAD
BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT
NEGERI SEMBILAN TAHUN 2025



22 MEI 2025
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG (APC) 2024 PENTADBI-
RAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
DI KLANA RESORT, SEREMBAN



22 MEI 2025
PROGRAM MEMADANIKAN
PERPUSTAKAAN MELESTARIKAN
PERPADUAN PERPUSTAKAAN DESA
KG. TERUSAN SEBERANG, KUALA
PILAH



4 JUN 2025
MESYUARAT JAWATANKUASA
GERAKAN MEMBACA NEGERI
SEMBILAN BIL. 2/2025 DI PERPUS-
TAKAAN NEGERI,
SEREMBAN 2



19 JUN 2025
EXPLORING THE LIBRARY DEVELOP-
MENT SEMPENA PERSIDANGAN &
MESYUARAT AGUNG CONSAL KE-19
DI PERPUSTAKAAN DESA KG. KUALA
SERDANG, KUALA PILAH



26 JUN 2025
MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU
NEGERI SEMBILAN DAN PELANCAR-
AN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
TAHUN 2025 DI MYDIN MALL,
SEREMBAN 2



28 JUN 2025
MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL
SASTERA DAN SENI KANAK-KANAK
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
TAHUN 2025 DI MYDIN MALL,
SEREMBAN 2



11 JULAI 2025
MAJLIS PERASMIAN KIDZOOONA
SAFARI DI AEON MALL, NILAI



16 JULAI 2025
PENGIKTIRAFAN DAN SOKONGAN
BAGI PELAKSANAAN PROJEK
KUMPULAN INOVASI KERJA (KIK)
PPANS DI DATARAN PERPADUAN,
JPNS



24 JULAI 2025
MAJLIS PERASMIAN BAZAR BUKU
PERAK 2025 DI AEON BIG FALIM,
IPOH SHOPPING CENTRE, PERAK



29 JULAI 2025
MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU
PERLIS DAN KARNIVAL PEMBACA
2025 DI AUDITORIUM PERPUS-
TAKAAN AWAM NEGERI PERLIS,
KANGAR



5 OGOS 2025
MESYUARAT MAJLIS PENGAR-
AH-PENGARAH PERPUSTAKAAN
AWAM SE-MALAYSIA (MPAM) BIL.
1/2025 DI OMNIA HALL 1, ARAS 2,
OPERO HOTEL, JOHOR BAHRU



19 OGOS 2025
MESYUARAT AHLI LEMBAGA
PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI SEMBILAN (PPANS)
BIL. 2/2025 DI PERPUSTAKAAN
NEGERI, SEREMBAN 2



21 OGOS 2025
LAWATAN KERJA PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(USIM) KE PERPUSTAKAAN NEGERI,
SEREMBAN 2



26 OGOS 2025
MESYUARAT PENYELARASAN
PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI (PAN) DAN PROGRAM
GALAKAN MEMBACA KEBANGSAAN
BIL. 2/2025 DI HOTEL IDEAS,
KUALA LUMPUR



27 OGOS 2025
MAJLIS AMANAT DAN ASPIRASI
PENGARAH PPANS: MEMACU
KAKITANGAN MADANI YANG
CEMERLANG DAN BERINTEGRITI DI
PERPUSTAKAAN NEGERI,

JENDELA BUKU

No Panggilan: MF ZUR


Bahagian: Pinjaman

Harga: RM 30.00

Penerbit: PENERBITAN AHA

Muka Surat: 340 Muka Surat

Penulis: ZURA RAHMAN



Api... Sewaktu kecilnya menjadi kawan. Apabila besar, menjadi lawan. Orang lain lari dari api, tetapi mereka berlari ke arah api yang mengganas. Kisah tentang hero yang tidak didendang...

Satu balai bomba yang sederhana besar.

Dua hero yang gagah perkasa.

Tiga kisah cinta yang bersimpul.

Mika Khuzairi, seorang smokejumper yang didiagnos dengan PTSD setelah kebakaran hutan yang besar telah mengorbankan hampir keseluruhan pasukan mereka. Dari Montana, Amerika Syarikat dia pulang ke tanah air. Dulu, dia hero di hutan yang terbakar. Sekarang... dirinya yang perlu dibantu.

Kejadian dia menyelamatkan seorang kanak-kanak lelaki di dalam satu kebakaran telah mendapat liputan menyuruh, lalu pihak JBPM telah menawarkan jawatan

sebagai pegawai bomba kepadanya. Insiden yang tidak dirancang menemukannya dengan Kizmi, incas muda yang berwibawa di balai bomba tersebut.

Namun, dia ada sedikit masalah. Antara mereka, ada kisah silam. Kizmi juga suka akan gadis yang telah mencuri perhatiannya.

"I'm afraid that I can't protect you." ~ Mika

"I can protect myself. Saya seorang pegawai polis. Awak tak perlu risaukan saya." ~ Inspektor Alina.

"Kau... pengecut! Jangan sebut pasal dia kat depan aku!" ~ Kizmi

Antara cinta dan kerjaya, Mika dalam dilema. Antara amanah dan kelalaian, ada satu jalur kelabu yang memisah. Dapatkah dia harungi semua dugaan dengan fikiran yang waras? Hanya yang berani akan mengambil risiko.

Only the brave.

SEKALUNG BUDI, SENTUHAN ABADI

-Puan Safiah binti Ahmad

Perpustakaan Negeri 5 Mei 2025 (Korporat PPANS) - Sebagai menghargai jasa dan sumbangan yang tidak ternilai sepanjang tempoh perkhidmatan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah menganjurkan satu majlis penghargaan bersempena persaraan rasmi Puan Safiah binti Ahmad, salah seorang warga kerja yang cukup disegani dan dihormati. Majlis yang berlangsung pada 5 Mei 2025 bertempat di Perpustakaan Negeri, Seremban 2 itu diadakan sebagai simbol penghargaan terhadap segala khidmat bakti, dedikasi serta komitmen berterusan yang telah dicurahkan oleh beliau sepanjang lebih dua dekad perkhidmatan di PPANS.

Puan Safiah binti Ahmad telah memulakan khidmatnya di PPANS pada 5 November 2003 dan sepanjang tempoh tersebut, beliau telah memainkan peranan penting dalam menyokong pelbagai inisiatif organisasi khususnya dalam aspek pentadbiran dan pengurusan sokongan. Keperibadian beliau yang tenang, mesra dan penuh rasa tanggungjawab menjadikan beliau antara warga yang dihormati bukan sahaja oleh rakan sekerja, malah oleh barisan pengurusan. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin Timbalan Pengarah PPANS, yang mewakili pihak pengurusan dalam menyampaikan ucapan penghargaan serta cendera kenangan kepada Puan Safiah.

KAKITANGAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN TERIMA APC 2024

Seremban 22 Mei 2025 (Korporat PPANS) – Seramai 519 pegawai daripada pelbagai jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2024 yang telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Majlis turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, barisan EXCO Kerajaan Negeri serta Ketua-ketua Jabatan Negeri. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah penghargaan yang diberikan kepada penjawat awam yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan melebihi jangkaan tugas biasa. Penghargaan ini juga bertujuan menjadikan para pegawai berkenaan sebagai contoh dan daya penarik kepada pegawai yang lain untuk sama-sama meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.



6 orang kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan iaitu Encik Muhamad Rizwan bin Mohd Yusof (Penolong Pengarah), Puan Suhaila binti Abu Samah (Penolong Pegawai Tadbir), Puan Norhayati binti Ismail (Penolong Pustakawan), Encik Shahril Fahmey bin Noordin (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat), Encik Iskandar bin Ismail (Penolong Jurutera) dan Puan Syazwani bt Tajudin (Pembantu Operasi) telah diberikan pengiktirafan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2024 bertempat di Klana Resort, Seremban.



MEMUPUK RASA CINTA PERPUSTAKAAN SEBAGAI PUSAT CARIAN MAKLUMAT



Kuala Pilah, 22 Mei 2025 (Korporat PPANS) - Program Memadankan Perpustakaan Melestarikan Perpaduan anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bersama Pejabat DUN Senaling, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) serta pelajar daripada Universiti Teknologi Mara Cawangan Rembau telah dianjurkan.



Program ini selaras dengan nilai teras Malaysia MADANI, khususnya aspek kesejahteraan dan bertujuan untuk membentuk masyarakat berilmu serta memperkukuh perpaduan melalui aktiviti yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca. Selain itu juga, memanfaatkan perpustakaan sebagai platform untuk memupuk perpaduan serta menyatukan masyarakat pelbagai kaum dan berinteraksi, berkongsi ilmu dan memperkukuh hubungan antara mereka



Menurut Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Modal Insan, YB Dato' Haji Ismail bin Lasim yang juga ADUN Senaling dan Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan dalam ucapannya, "Program seumpama ini merupakan usaha murni lagi terpuji yang tentunya memerlukan komitmen tinggi, pengemبلengan tenaga, idea dan kerja keras untuk mengajak rakyat mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan budaya membaca dan memanfaatkan perpustakaan selaras dengan nilai teras Malaysia MADANI yang kini telahpun diterapkan dalam semua perkara."



YB Dato' Haji Ismail bin Lasim, Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan diiringi YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS melawat sekitar ruang pameran daripada pelbagai Jabatan Kerajaan.

MESYUARAT JAWATANKUASA GERAKAN MEMBACA NEGERI SEMBILAN BIL. 2/2025

Seremban 2, 4 Jun 2025 (Korporat PPANS) – PPANS telah mengadakan mesyuarat bersama Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan (JGMNS) yang dipengerusikan oleh YB Dato' Hj. Ismail bin Lasim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Modal Insan merangkap Pengerusi JGMNS. Mesyuarat diadakan bagi memastikan pelaksanaan program yang telah dijalankan di negeri dan daerah berjalan dengan lancar dan teratur seperti yang dirancang untuk meningkatkan literasi dan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YBrs. Encik Hamdan bin Hj. Nordin, Timbalan Pengarah PPANS merangkap Setiausaha JGMNS, Puan Khalidah binti Haji Omar, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan, Puan Nore'in binti Mohd Shukor, Pengarah KEMAS Negeri Sembilan, Encik Mohd Aiman bin Abdoll, Aziz Ketua Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, wakil Jabatan Perpaduan Negeri Sembilan, wakil-wakil Pejabat Daerah dan Tanah, serta pegawai-pegawai PPANS. Dengan adanya kerjasama yang erat antara pihak berkepentingan, semoga PPANS dapat melangkah lebih proaktif sebagai jabatan yang berperanan untuk meningkatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.



PAMERAN PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL) 2025



Kuala Lumpur, 24 Mei 2024 (Korporat PPANS) – Bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 telah membuka tirai pada 23 Mei hingga 1 Jun 2025 dan memberi peluang kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) untuk mengadakan pameran. Pengisian utama di reruai PPANS termasuklah pameran buku-buku terbitan PPANS. Selain itu, turut diadakan demonstrasi pakaian serta makanan tradisional yang menjadi identiti Negeri Sembilan.

PBAKL 2025 ini telah berlangsung dengan meriah kerana pelbagai aktiviti menarik dijalankan seperti bual bicara, pelbagai pempamer buku, penerbit, penulis dan pemain industri perbukuan dari dalam dan luar negara. Sekalung tahniah diucapkan kepada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) atas penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2025 yang sekali lagi berjaya menjadi medan pertemuan antara pencinta buku, penulis, penerbit dan penggiat industri buku tanah air.

KONGRES PUSTAKAWAN ASIA TENGGARA KE-19 (CONSAL)

(Korporat PPANS). Pada 17 Jun 2025, satu acara penting yang telah dihadiri oleh YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah PPANS bersama-sama beberapa pegawai PPANS berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), Malaysia iaitu Majlis Perasmian Kongres Perpustakawan Asia Tenggara Ke-19 (CONSAL). Acara ini akan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Kongres ini juga akan menjadi platform untuk berbincang, bertukar idea dan memperkukuhkan jaringan profesional dalam kalangan perpustakawan di Asia Tenggara.

Dengan tema "Perpustakaan Mampan dan Inovasi Digital", acara ini diharapkan dapat memberi impak positif terhadap pembangunan perpustakaan di rantau ini, serta membuka ruang untuk perkongsian pengetahuan dalam era digital.

Kongres ini merupakan inisiatif penting dalam memperkasa peranan perpustakaan dan perpustakawan dalam menyokong pembangunan pendidikan dan masyarakat di Asia Tenggara. Pelbagai aktiviti dan sesi perbincangan akan diadakan sepanjang kongres, melibatkan peserta dari negara-negara ASEAN dan perwakilan antarabangsa.



EXPLORING THE LIBRARY DEVELOPMENT

SEMPENA PERSIDANGAN & MESYUARAT AGUNG CONSAL KE-19

Kuala Serdang, Kuala Pilah - 19 Jun 2025 (Korporat PPANS) - 16 hingga 19 Jun 2025, Persidangan dan Mesyuarat Agung CONSAL ke-19 telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur. Malaysia dipilih sebagai tuan rumah bagi acara berprestij ini yang menghimpunkan pustakawan dan penggiat bidang perpustakaan dari seluruh Asia Tenggara. CONSAL merupakan platform untuk menyemarakkan perkongsian ilmu, pembangunan profesional, serta jaringan kerjasama pustakawan di seluruh Asia Tenggara.

Salah satu pengisian dalam Persidangan & Mesyuarat Agung CONSAL ke-19 ini ialah Lawatan Perpustakaan dan Kebudayaan ke beberapa lokasi terpilih. Antara destinasi yang sangat bertuah ialah Perpustakaan Desa Kg. Kuala Serdang, Kuala Pilah yang dipilih sebagai lokasi untuk dilawati oleh para delegasi Pustakawan dari seluruh Negara Asia Tenggara. Lawatan ini bukan sahaja mencerminkan solidariti dan perpaduan dalam kalangan pustakawan serantau malah mengukuhkan semangat perkongsian ilmu, penghargaan terhadap kepelbagaian budaya serta pemerkasaan komuniti melalui peranan perpustakaan. Selaras dengan tema CONSAL ke-19 iaitu *"Inclusive Knowledge: Bridging Divides, Empowering All."*

Lawatan ini membawa makna istimewa yang dapat menjadi sebahagian daripada promosi pra-pelancaran Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026 bertemakan *"Exquisite Negeri Sembilan."* Kedatangan delegasi dari pelbagai negara ke perpustakaan ini membuktikan perpustakaan bukan sahaja pusat ilmu tetapi juga duta budaya tempatan dan pelancongan komuniti.

Para delegasi pustakawan disambut dengan persembahan budaya dan juadah tradisional identiti bagi Negeri Sembilan antaranya sopang rebus, penganan cair, kesirat, serabai dan kari kepala kambing. Persembahan cak lempong dan pameran sulaman telepok yang menghiasi busana tradisional turut dipersembahkan sebagai latar belakang pesona desa yang masih teguh mempertahankan legasi Adat Perpatih.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YB Dato' Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan merangkap ADUN Pilah yang menyampaikan ucapan alu-aluan sebagai tanda sambutan di kawasan beliau. Turut hadir sama ialah YB Dato' Haji Ismail bin Lasim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Modal Insan merangkap Pengerusi Gerakan Membaca Negeri Sembilan, Encik Hamdan bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Dr. Ghazali Mohamed Fadzil Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia, Puan Nawal binti Mohamed Amin, Pegawai Daerah Kuala Pilah, pegawai-pegawai kanan dari Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan Perpustakaan Negara Malaysia serta Tuan Mohd Syahril bin Baharuddin, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg. Kuala Serdang.



PESTA BUKU NEGERI SEMBILAN 2025: PEMUGARAN CINTA BUKU DAN ILMU



Seremban 2, 26 Jun 2025 (Korporat PPANS). Pesta Buku Negeri Sembilan 2025 merupakan Pesta Buku yang pertama diadakan selepas penganjuran Pesta Buku Antarabangsa yang dilaksanakan di WTC Kuala Lumpur. Langkah ini bukan sahaja memperlihatkan daya saing dan kepimpinan Negeri Sembilan dalam bidang ilmu diharapkan dapat menjadi pencetus inspirasi kepada perpustakaan negeri lain untuk mempergiatkan penganjuran program-program literasi yang inklusif dan berimpak tinggi.

Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Pengerusi PPANS yang mewakili YAB Menteri Besar Negeri Sembilan. Turut diadakan Majlis Pelancaran Buku terbitan Puan Hajah Mahaya, Sasterawan Negeri Sembilan dan UiTM Rembau.

Dalam uapctama YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan beliau memetik ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim "Dunia ini mencabar. Dunia ini memerlukan manusia yang mendalam ilmu mereka. Lihat negara maju, tidak ada negara yang maju yang dangkal ilmunya secara menyeluruh." Petikan ini membawa maksud yang amat penting dan relevan dalam konteks realiti semasa. Ia menggariskan hakikat bahawa kemajuan sesebuah negara tidak akan tercapai tanpa kekuatan ilmu yang mendalam dan budaya intelektual yang subur. Dalam dunia yang kompleks dan sarat dengan cabaran global sama ada daripada segi teknologi, ekonomi mahupun sosial, hanya masyarakat yang berilmu dan berdaya fikir tinggi mampu terus mara dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.



PESTA BUKU NEGERI SEMBILAN 2025: PEMUGARAN CINTA BUKU DAN ILMU

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) turut menganjurkan Festival Sastera dan Seni Kanak-kanak Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2025 pada 28 Jun 2025 (Sabtu) di MYDIN Mall, Seremban 2 yang telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Khalidah binti Omar, Pengarah Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan merangkap Ahli Lembaga PPANS.

Festival ini bukan sekadar himpunan karya dan persembahan seni malah festival ini merupakan manifestasi kecintaan kita terhadap warisan bangsa yang tidak ternilai harganya seperti bahasa, sastera dan seni. Festival ini juga membuktikan komitmen kita dalam mendidik dan menyemai semangat cinta akan budaya dalam generasi muda khususnya kanak-kanak yang merupakan pewaris bangsa masa depan



Antara program yang dijalankan sepanjang festival ialah Pertandingan Bercerita Kanak-kanak, *Kids Aerodance*, Tarian Citra Budaya, Persembahan Patung Boneka dan kuiz bersama anak-anak. Suasana sungguh meriah dengan kehadiran maskot PPANS iaitu Rusanani yang telah menghiburkan pengunjung.





PPANS HASILKAN IDEA INOVASI TINGKATKAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN

Seremban 16 Julai 2025 (Unit Korporat PPANS) – Perubahan persekitaran yang berbeza dan kehendak masyarakat yang semakin meningkat memerlukan idea dalam membuat penambahbaikan dalam sistem penyampaian. Perkara ini dapat dilakukan melalui usaha-usaha inovasi dan kreatif secara menyeluruh. Usaha ini dapat mengubah dan memperkenalkan cara kerja baru yang lebih cekap dan berkesan serta menghasilkan output dan outcome yang lebih baik selain meningkatkan kehendak pelanggan dengan idea yang lebih radikal.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah melaksanakan Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dengan memperkenalkan inovatif rak buku mudah alih. Projek ini merupakan inisiatif Kumpulan Toshokan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan bahan koleksi PPANS iaitu buku untuk mengatasi masalah lambakan buku di perpustakaan.

Hasil projek ini telah mendapat sokongan Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan (JPNNS) melalui Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP). Jalinan kerjasama strategik dalam pelbagai usaha untuk memupuk budaya membaca dan memberi akses kepada sumber ilmu di seluruh Negeri Sembilan. Komitmen ini dapat dilihat melalui penglibatan aktif kedua-dua pihak dalam pelbagai program yang menyasarkan pelajar sekolah khususnya. Sebagai tanda pengiktirafan dan sokongan terhadap inisiatif inovatif ini, JPNNS telah menjemput pihak PPANS untuk menyertai Majlis Perhimpunan Bulanan JPNNS. Dalam majlis tersebut, satu gimik pelancaran rasmi Projek KIK PPANS telah diadakan.

Kerajaan memandang serius jabatan-jabatan kerajaan lain dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan agensi kerajaan dengan matlamat agar perkhidmatan yang disampaikan sentiasa memenuhi kehendak dan harapan pelanggan. Oleh itu, panduan pembudayaan dan pemerkasaan inovasi melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan kreatif menjadi peneraju agenda tranformasi negara.



MEMPROMOSI BUDAYA NEGERI SEMBILAN DALAM BAZAR BUKU PERAK 2025

Aeon Big Falim Ipoh Shopping Centre, Perak - 24 Julai 2025 (Korporat PPANS). Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Perak (PPAP) atas penganjuran Bazar Buku Perak 2025 yang diadakan di Aeon Big Falim Ipoh Shopping Centre pada

23-27 Julai 2025. Majlis Perasmian Bazar Buku Perak 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak. Turut hadir dalam majlis YBRS. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Timbalan Pengarah PPANS bersama pegawai iringan. PPANS diberi peluang untuk mengadakan pameran dalam penganjuran tersebut. Antara pengisian utama pameran PPANS termasuklah pameran buku-buku terbitan PPANS, demonstrasi pakaian dan makanan tradisional yang menjadi identiti Negeri Sembilan kepada para pengunjung yang datang. Penyertaan PPANS dalam Bazar Buku Perak 2025 ini juga merupakan antara inisiatif awal dalam usaha mempromosikan Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026.



PENGLIBATAN PPANS SEMPENA PERTANDINGAN KOIR PIALA MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN 2025

Seremban, 11 Ogos 2025 (Korporat PPANS) - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah menganjurkan Pertandingan Koir Piala Menteri Besar Negeri Sembilan Tahun 2025 yang melibatkan penyertaan daripada jabatan-jabatan negeri dan agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) turut mengambil bahagian dengan menghantar seramai 30 orang kakitangan bagi menyertai pertandingan tersebut yang diadakan di Auditorium Raja Melewar, Kompleks JKKNS.



KONVENSYEN KIK NEGERI SEMBILAN 2025 BUKTI KOMITMEN PENJAWAT AWAM TERHADAP INOVASI BERIMPAK TINGGI



SEREMBAN, 13 Ogos 2025 (Korporat PPANS) Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2025 telah melabuhkan tirainya dengan jayanya, menjadi saksi kepada cetusan idea-idea baharu yang berpotensi merevolusikan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Acara tahunan ini bukan sekadar pertandingan tetapi adalah platform utama bagi penjawat awam Negeri Sembilan untuk mempamerkan inisiatif inovasi dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Kehadiran ramai kumpulan KIK membuktikan komitmen yang tinggi dalam membentuk budaya kerja yang lebih cekap, efektif, dan berpusatkan rakyat.

Projek **"Casa Libro - Rumah Buku"** yang telah mempamerkan solusi kreatif dalam usaha meningkatkan literasi dan akses kepada bahan bacaan. Projek ini menunjukkan bagaimana inovasi boleh diaplikasikan merentasi pelbagai sektor, bukan hanya dalam bidang teknologi semata-mata. "Casa Libro" (Rumah Buku) memperkenalkan konsep rak buku modular dan mudah alih yang diintegrasikan dengan teknologi digital (kod QR) untuk membawa kemudahan perpustakaan terus kepada komuniti. Inisiatif Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) melalui projek ini dijangka dapat menjangkau kawasan yang kurang akses kepada perpustakaan fizikal sekali gus menyemai semangat membaca dalam kalangan masyarakat Negeri Sembilan. Ia adalah contoh terbaik bagaimana kreativiti dalam reka bentuk dapat menyelesaikan masalah sosial dengan kos yang efektif.

SEMANGAT PATRIOTIK TERAS PERPADUAN NEGARA

SEREMBAN, 31 Ogos 2025 (Korporat PPANS) Semangat patriotik merupakan jiwa dan nadi yang menggerakkan setiap warganegara untuk mencintai, menghargai, dan mempertahankan tanah air negara yang kita nikmati hari ini.

Bermula seawal 6.30 pagi bertempat di Padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS) telah dibanjiri ribuan penonton bagi menyaksikan perarakan sempena Hari Kemerdekaan. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) juga tidak ketinggalan dalam menyertai perbarisan sempena Hari Kemerdekaan 2025 yang diadakan di padang Majlis Perbandaran Seremban. Hampir 5,000 peserta dari 87 kontijen mengambil bahagian tersebut. YBrs. En Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS turut bersama-sama dalam majlis tersebut yang penuh gilang-gemilang.

Majlis dimulakan dengan keberangkatan tiba Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir bersama Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud berkenan mencemar duli menyaksikan perarakan Hari Kebangsaan.

Bertemakan “Malaysia MADANI : Rakyat Disantuni” membawa mesej bahawa pembangunan negara harus dinikmati secara saksama oleh semua lapisan masyarakat dan keperluan rakyat sentiasa diutamakan yang disokong oleh enam nilai teras Malaysia MADANI iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan 2025 Peringkat Negeri Sembilan tidak hanya tertumpu di Padang Majlis Perbandaran Seremban sahaja bahkan kehangatan dan kegembiraan meraikan hari sersejarah negara turut melimpah di pelbagai lokasi di seluruh negara. Semangat patriotik dan rasa teruja dapat dilihat pada segenap masyarakat daripada pelbagai kaum dan bangsa apabila mereka beramai-ramai hadir memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2025 di peringkat negeri dan komuniti masing-masing.



WAGHIH MEMBACA

Seremban 2, (Korporat PPANS) – Amalan membaca merupakan amalan terbaik untuk dilakukan dalam mengisi masa lapang. Pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan di waktu senggang seseorang tetapi adalah digalakkan untuk kita melakukan aktiviti yang bermanfaat seperti membaca. Membaca juga dapat membantu menambah perbendaharaan kata yang mungkin kita tidak pernah tahu sebelum ini. Faedah paling utama dalam mengamalkan budaya membaca ialah ia akan meluaskan pengetahuan setiap individu. Rata-rata, falsafah pendidikan dimulakan dengan kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Membaca juga merupakan satu kemahiran yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran membaca juga perlu diterapkan secara berkesan supaya setiap individu khususnya murid dan pelajar dapat menguasai kemahiran ini. Membaca juga merupakan satu proses yang kompleks menghubungkan aspek kemahiran mental, pengetahuan, kebolehan dan sebagainya.

Buku adalah portal ke dunia yang penuh fakta dan menarik, cerita-cerita hebat dan maklumat berguna. Membaca ini tidak semestinya perlu membaca buku yang tebal ataupun surat khabar bahkan kitab oleh memilih bahan bacaan kegemaran mengikut kesukaan contohnya buku-buku tentang haiwan, sejarah, sains dan sebagainya.



WAGHIH MEMBACA

Dalam meniti era globalisasi ini, amalan membaca dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda semakin pudar. Terdapat kajian yang menyatakan purata pembacaan buku oleh setiap rakyat Malaysia hanya dua buah buku setahun. Angka ini adalah rendah untuk sesebuah negara yang sedang pesat membangun dan mempunyai visi untuk bersaing dengan negara maju yang lain.

Menurut beberapa siri kajian yang dijalankan Kementerian Perpaduan Negara, rakyat Malaysia membaca sekurang-kurangnya dua naskah pada tahun 2005, 15 naskah pada tahun 2014 dan terkini adalah 24 naskah pada tahun 2023. Kadar minat membaca rakyat Malaysia terkini berada pada tahap 88.6 peratus. Jumlah naskah pembacaan dalam tempoh setahun menunjukkan rakyat Malaysia membaca 24 naskah merangkumi 16 naskah bahan bercetak dan 8 naskah bahan digital.

(Sumber Sinar Harian 23 Oktober 2024)



PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



3 MEI 2025

- MERASMIKAN MAJLIS MAKAN MALAM PRA-GAWAI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN DI KLANA RESORT, SEREMBAN.



19 MEI 2025

- MERASMIKAN MAJLIS ANUGERAH SISWAZAH CEMERLANG KELAS PERTAMA NEGERI SEMBILAN 2025 DI KLANA RESORT, SEREMBAN.



19 JUN 2025

- MAJLIS PENGHARGAAN PESAR PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024 DI SKY BALLROOM PALM HOTEL, SEREMBAN.



30 JUN 2025

- MERASMIKAN MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024 DI DEWAN THEATRETTE, WISMA NEGERI SEREMBAN.

PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



3 JULAI 2025

- MAJLIS PELUNCURAN LAPORAN INTERIM BANCY PERTANIAN 2024 NEGERI SEMBILAN DI LEXIS HIBISCUS,



22 JULAI 2025

- MENYEMPURNAKAN MAJLIS PENYERAHAN ASET BAHARU KEPADA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (MBS) DI FOREST HEIGHT.



9 OGOS 2025

- MAJLIS MAKAN MALAM SMK DATO' MOHD SAID BERSEMPENA JUBLI INTAN 60 TAHUN DI DEWAN MELOR, NILAI 3



31 OGOS 2025

- MENYEMPURNAKAN ACARA KEMUNCAK KEMBARA MERDEKA AKAR UMBI 2.0 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN BERSEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN TAHUN 2025 DI PERKAMPUNGAN BUDAYA, TERACHI.

DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN DAN DESA

PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

- 📍 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: libraryjempol@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-458 5260



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

- 📍 Jalan Hj Rashid, 71600 Kuala Klawang, Jelevu, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pacjelevu@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-613 6175



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P.DICKSON

- 📍 Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pacportdickson@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-647 7677



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

- 📍 Jalan Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_rembau@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-685 3302



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K.PILAH

- 📍 Jalan Bukit 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: packualapilah@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-481 1461



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

- 📍 Jalan Kelab, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pactampin@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-441 1289



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

- 📍 Jalan Tok Sulong, 73400 Gemas, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pacgemas@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 07-9482725

PERPUSTAKAAN AWAM DESA

Perpustakaan Desa Legong Ulu
Kg. Legong Ulu, 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan.
Email: desa_legongulu@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 06-438 1120

Perpustakaan Desa Titian Akar
Kg. Titian Akar, 71150 Linggi, Negeri Sembilan.
Email: desa_titianakar@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 06-696 6479

Perpustakaan Desa Kg. Rendah
Kg. Rendah Rembau, 71300 Rembau Negeri Sembilan.
Email: desa_kgrendah@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 013-605 5781

Perpustakaan Desa Felda Palong 7
73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan
Email: pdfeldapalong7@gmail.com
No. Telefon: 06-4646697

Perpustakaan Desa Kg. Talang
Kg. Talang, 71500 Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan.
Email: pdtalang1@gmail.com
No. Telefon: 011-20694430

Perpustakaan Desa Seri Menanti
Dewan Tuanku Ampuan Najihah 71550 Seri Menanti, Negeri Sembilan.
Email: syazwanitajudin5512@gmail.com
No. Telefon: 06-4970133

Perpustakaan Desa Simpang Pertang
d/a Balai Penghulu, 72300 Simpang Pertang, Jelevu, Negeri Sembilan.
Email: norliza.abuzaid@yahoo.com
No. Telefon: 06-4920073

Perpustakaan Desa Kg. Chennah
Kg. Chennah, 71650 Titi Jelevu, Negeri Sembilan.
Email: pdchennah@gmail.com
No. Telefon: 06-6111058

Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan
73200 Gemenceh, Negeri Sembilan.
Email: pdaks.2001@gmail.com
No. Telefon: 06-447 8022

Perpustakaan Desa Jelai 4
Jelai 4, 73480 Gemas, Negeri Sembilan.
Email: pdj4.pact@gmail.com
No. Telefon: 06-434 8973

Perpustakaan Awam Pekan Mantin
Jalan Sekolah 71700 Mantin, Negeri Sembilan.
Email: hayatiismail1964@gmail.com
No. Telefon: 06-757 1315

Perpustakaan Awam Pekan Bahau
72100 Bahau, Negeri Sembilan.
Email: librarybahau@gmail.com
No. Telefon: 06-4542036

Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusuf
12 lot 15709, Tingkat bawah Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
Email: ptp.abdulkadiryusuf.1@gmail.com
No. Telefon: 06-6791722

Perpustakaan Islam Masjid Negeri
Bangunan Masjid Negeri, Jalan Dato' Hamzah, 70000, Seremban.
Email: pinsmasjidnegeri@yahoo.com.my
No. Telefon: 011- 2323 2868